

**ADUAN PEMBACA**

Pembaca yang ingin mengemukakan pandangan atau masalah boleh e-mel ke [bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

→ **HALAMAN KOTA**

**ISU MASALAH LIF DI 12 BLOK FLET SRI PERANTAU**

(FOTO MUHAMMAD SULAIMAN/BH)



Amirul Hakim meninjau keadaan lif yang rosak sehingga menyukarkan penduduk untuk turun menggunakan lif.

Abdul Rashid terpaksa mengensot dari tingkat 3 untuk turun berikutan masalah lif rosak di Flet Sri Perantau.

# Bosan tunggu janji kerajaan Selangor

➔ Lif rosak di 12 blok Flet Sri Perantau belum dibaiki

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

✦ **Pelabuhan Klang**

**P**enghuni Flet Sri Perantau, di sini, kesal dengan kerajaan Selangor yang didakwa masih gagal menyelesaikan masalah lif di 12 blok penempatan berkenaan yang menjadi kawasan pemindahan penduduk setingan di sekitar sini.

Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk, Mohamad Khairi Mohd Yunus, mendakwa ia berikutan kira-kira 18 bulan lalu, Ahli Dewan Undangan Negeri, Dr Halimah Ali, ada berjanji untuk memperbaiki semua lif di kawasan itu yang rosak bagi keselesaan penghuni.

Bagaimanapun, selepas 18 bulan berlalu, tiada bayang bantuan dijanjikan, dakwanya.

"Sebelum ini ada juga penduduk yang membayar yuran penyelenggaraan di pangsapuri ini namun selepas tiada satu pun lif di 12 blok ini dibaiki, mereka enggan membayarnya kerana janji diharapkan tidak ditunaikan," katanya kepada wartawan, di sini, semalam.

Mohamad Khairi berkata, mereka sedikit lega apabila Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar,

mengumumkan peruntukan berjumlah RM5 juta untuk memperbaiki lif di setiap blok di kawasan itu.

"Peruntukan itu adalah untuk mengganti satu unit lif di setiap bangunan rumah pangsa berkenaan dengan sistem baharu antivandalisme. Cuma bagi penghuni, mereka tidak tahu perkembangannya," katanya.

**Bosan tunggu lif baharu**

Sementara itu, wakil penghuni, Syawal Sabtu, berkata mereka berharap bantuan daripada Kerajaan Persekutuan itu dapat dipercepatkan kerana mereka sudah bosan menunggu lif baharu bagi menggantikan kemudahan yang sudah rosak itu.

Dakwanya, pada masa sama, kebanyakan penghuni juga takut janji itu tidak dilaksanakan berikutan sudah lali menjadi seperti boneka dan dialunkan dengan janji politik daripada kerajaan negeri sejak sekian lama.

"Kerajaan negeri memang ada mengumumkan peruntukan sebanyak RM7 juta, Februari lalu. Namun, pada mesyuarat terakhir dengan kami, mereka memaklumkan perlu 18 bulan lagi dengan alasan mahu menempah peralatan untuk memperbaiki lif yang rosak.

"Kami sudah menetap di sini sejak 12 tahun lalu dan ada yang bermasalah kerana sudah



Sebelum ini ada juga penduduk yang membayar yuran penyelenggaraan di pangsapuri ini namun selepas tiada satu pun lif di 12 blok ini dibaiki, mereka enggan membayarnya kerana janji diharapkan tidak ditunaikan"

**Mohamad Khairi Mohd Yunus,**  
Pengerusi Jawatankuasa Perwakilan Penduduk

tua dan sakit. Malah, kalau ada kematian, jenazah terpaksa diusung turun menggunakan tangga," katanya.

**Sukar pergerakan**

Bagi seorang penghuni di Blok H Flet Sri Perantau, Abdul Rashid Muda, 46, biarpun hanya tinggal di tingkat tiga bangunan setinggi lapan tingkat itu, penyakit kencing manis yang dihidapinya menyukarkan pergerakannya untuk turun tanpa menggunakan lif.

Katanya, beliau yang menghidap penyakit itu sejak dua tahun lalu perlu ke klinik untuk mencuci luka dan menghadapi kesukaran setiap kali untuk mendapatkan rawatan kerana hanya mampu mengensot untuk menuruni tangga.

"Kini saya terpaksa berharap kepada bantuan anak jiran yang kasihankan saya untuk mencuci luka pada kaki kanan kerana beliau juga perlu menjaga ibunya yang juga menghidap penyakit sama," katanya.

Difahamkan, kebanyakan penghuni Flet Sri Perantau adalah bekas penduduk setingan di Kampung Seri Cahaya serta Rumah Panjang Seri Perantau Fasa 1 dan 2 di kawasan berdekatan yang membeli unit rumah berkenaan melalui program Setingan Sifar di bawah kerajaan Selangor sewaktu ditadbir Kerajaan Barisan Nasional (BN).

**Fakta nombor**

**1,656** UNIT  
kos rendah

**12** BLOK  
penempatan penduduk